

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU KENDERAAN**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GREED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>H11, H14</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li><li>(c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;</li><li>(ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan</li><li>(iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.</li></ul> <p>Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Lesen D RM896.15</li><li>• Lesen E/E1/E2 RM942.30</li><li>• Lesen F/H RM988.45</li><li>• Lesen G/I RM1,034.60</li></ul>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<p>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.</p>
<b>PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MEMPEROLEHI LESEN MEMANDU KELAS LEBIH TINGGI SEMASA DALAM PERKHIDMATAN</b>	<p>4. Pemandu Kenderaan yang memperolehi lesen memandu kelas lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke amaun gaji permulaan mengikut lesen berkenaan, sekiranya gaji pegawai masih rendah daripada gaji permulaan lesen berkaitan.</p>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<p>5. Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</p>

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14**

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17 ATAU PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N17**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pemandu Kenderaan Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred H14 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pemandu Kenderaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan yang berkuat kuasa pada 1.7.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2006).